

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home &gt; Berita Harian &gt; 9 April 1981 &gt; Page 4 &gt; Berjayakah Datuk Harun dapatkan keampunan Diraja?

## Berjayakah Datuk Harun dapatkan keampunan Diraja?

Berita Harian, 9 April 1981, Page 4

Article also available on Microfilm Reel NL11007

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

# Berjayakah Datuk Harun dapatkan keampunan Diraja?

**U**SAHA bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris, untuk mendapatkan pembebasan segera dari Penjara Pudu menerusi saluran undang-undang hingga kini masih belum berhasil.

Datuk Harun, 55 tahun, yang mula menjalani hukuman itu pada 1 Mac, 1978, dihukum penjara selama dua tahun dalam 1976 kerana melakukan kesalahan-kesalahan rasuah yang melibatkan Bank Hongkong and Shanghai.

Pada tahun berikutnya, dia dijatuhkan hukuman penjara empat tahun lagi kerana didapati salah melakukan pecah amanah yang melibatkan Bank Kerjasama Rakyat.

### Sanjung tinggi

Sebagai salah seorang bekas tokoh politik yang terkemuka dalam Petubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno), Datuk Harun masih mempunyai ramai penyokong setia yang mahu melihatnya kembali cergas di arena politik.

Ini adalah kerana para penyokong Datuk Harun mensifatkan bahawa kesalahan-kesalahan yang pernah dilakukan olehnya boleh dimaafkan dan dilupakan, kerana mereka menyanjung tinggi ketokohan Datuk Harun.

Bagaimanapun, keputusan hukuman ke atas Datuk Harun yang hampir memecah-belahkan perpaduan Umno, sama ada suka atau tidak, harus mereka terima.

Ia juga membayangkan bahawa pelaksanaan undang-undang negara itu

ke atas setiap pesalah adalah perlu, tanpa mengira siapa pelakunya, demi menjamin satu corak pemerintahan yang adil dan demokratik.


Tetapi tidak semua

#### Information

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
9 April 1981Reel Number:  
NL11007

Scroll to Top

Share



#### Table of Contents

&lt; Previous

Page 4

Next &gt;

### WASPADA MASIH LAGI PERLU

WASPADA MASIH LAGI PERLU ENCIK Leonid Brezhnev kelihatan memilih sidang di Prague untuk

### Tukilan Hari Ini

Tukilan Hari Ini BAHAYA yang paling besar dalam cubaan membunuh Presiden Reagan ialah bahawa ia

### Mutiara Kata

Mutiara Kata JANGAN terpengaruh dengan kecantikan, kerana tidak sedikit yang cantik itulah selalu membawa

View Full Table of Contents &gt;

pihak yang merasa puas hati dengan keputusan memenjarakan Datuk Harun sebagaimana keputusan mahkamah, kerana satu usaha baru kini dirancang untuk mendapatkan pembebasan Datuk Harun menerusi pengampunan Diraja.

Rayuan Datuk Harun agar hukuman penjara ke atasnya dijalankan serentak, dengan alasan bahawa hukuman-hukuman penjara berturut-turut ke atasnya adalah tidak sah, telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan pada 6 Mac lalu.

## Tandatangan

Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman, kini mengetuai satu kumpulan yang menjalankan inisiatif bagi mendapatkan pengampunan Diraja itu.

Satu memorandum rayuan yang mengandungi antara 40,000 dengan 50,000 tandatangan telah diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Muhammad, pada awal bulan ini.

Apa yang menjadi perhatian orang ramai kini bukanlah soal pembebasan Datuk Harun itu lagi, tetapi sejauh mana ketokohnya dapat meyakinkan rakyat dan setakat mana rasa kepercayaan mereka terhadapnya dapat dikembalikan.



**DATUK HARUN... rayuan-nya ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.**

## Related Articles



**Harun gagal dlm rayuan untuk 'bebas'**

*Berita Harian 6 March 1981*

Harun gagal dlm rayuan untuk 'bebas' via uci ouu v^i AFP dan Reuter KU...

**Harun bebas dim dua minggu: Akhbar**

*Berita Harian 20 May 1981*

Harun bebas dim dua minggu: Akhbar AFP KUALA LUMPUR, Selasa. Bekas

**Malaysia mahu Datuk Harun diampun**

*Berita Harian 19 May 1981*

Malaysia mahu Datuk Harun diampun ingKan NST. KUALA LUMPUR, Isnin.

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore  
Last Updated 2019-10-29